

Penggunaan Zaption dalam Latihan untuk Meningkatkan Kemahiran Lisan Berdasarkan Video

Eity Norhyezah Asyurah

Eity_norhyezah_asyurah@moe.edu.sg

Hayati Murni Mohamed Yacob

hayati_murni_mohamed_yacob@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Woodlands Ring

Abstrak

Tahun 2016 merupakan tahun penukaran format ujian lisan PSLE 2017 berlaku bagi sekolah-sekolah rendah. Format baharu ini akan berlandaskan penggunaan klip video. Setiap murid harus menelaah klip video yang disediakan lalu menyuarakan pendapat mereka secara kreatif dan kritis untuk menampakkan kebolehan mereka berfikir dengan matang dan kemampuan mereka untuk bertutur dengan baik. Namun, memandangkan tahun 2016 merupakan kali yang pertama murid akan menduduki format ujian lisan yang baharu, terdapat kemungkinan besar murid bakal menghadapi kesukaran untuk menyampaikan pendapat mereka secara tuntas. Kajian yang dijalankan ini menggunakan aplikasi Zaption untuk melatih murid untuk meneliti video, dan kemudian mengenal pasti bahagian-bahagian yang sesuai untuk bertanyakan soalan. Jawapan bagi soalan-soalan itu kemudiannya dapat dijadikan bahan bagi murid untuk berkomunikasi dengan pemeriksa ketika menduduki ujian lisan.

Kata Kunci: kemahiran berfikir secara kritis, pengajaran pembelajaran, klip video, penerapan nilai



PENGENALAN

Kajian ini meneliti keberkesanan penggunaan aplikasi Zaption dalam pengajaran lisan mengikut format baharu PSLE yang berlandaskan penggunaan klip video. Klip video yang dihasilkan dengan penggunaan aplikasi Zaption dapat menarik minat serta menggalakkan murid menjana idea mengenai video yang ditonton secara teratur. Klip video yang dihasilkan menggunakan aplikasi Zaption dapat meningkatkan daya pemikiran dan tumpuan murid sambil menyuntik elemen keseronokan dalam pelajaran lisan.

Klip-klip video yang digunakan merupakan klip-klip video iklan-iklan Petronas dan Maxis yang dimuat turun ke dalam aplikasi Zaption. Iklan-iklan ini dipilih kerana memaparkan isu-isu masyarakat yang terbukti menarik minat dan perhatian murid. Apabila murid-murid menonton klip-klip video tersebut, mereka dapat berfikir, memahami mesej yang ingin disampaikan dan mampu memberikan pandangan masing-masing.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti:

1. sejauh manakah keberkesanan aplikasi Zaption dalam meningkatkan keupayaan murid dalam kemahiran lisan supaya dapat membantu murid dalam persediaan peperiksaan lisan;
2. mengaplikasikan ICT dalam mod pembelajaran;
3. memupuk pemikiran kreatif dan kritikal; dan
4. menilai pengajaran dan pembelajaran lisan oleh guru diterima oleh murid-murid.

PERNYATAAN MASALAH

Profil murid sudah berubah mengikut arus kemodenan. Mereka tidak lagi terangsang dengan kaedah yang hanya merujuk pada pembacaan teks. Maka, rancangan pembelajaran haruslah dirombak mengikut keupayaan dan minat murid supaya dapat menambat minat mereka.



Lazimnya, pengajaran dan pembelajaran lisan di dalam bilik darjah hanya berbentuk sealiran iaitu hanya berpusat pada guru dan kurang penglibatan aktif daripada murid-murid. Peluang bagi murid untuk berkomunikasi secara efektif serta mengutarakan pandangan mereka juga agak terhad kerana pembelajaran lisan sering dilakukan secara keseluruhan kelas. Murid-murid juga kurang keyakinan kerana tidak didedahkan kepada kaedah-kaedah efektif yang dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran lisan.

Dengan penukaran format baharu PSLE 2017, guru haruslah membina kemahiran komunikasi murid dan memperoleh informasi tentang budaya, bahasa dan nilai serta menyampaikan pengetahuan yang telah diraih dengan efektif. Murid haruslah dapat berfikir dan menggunakan informasi yang ingin disampaikan daripada klip video yang ditonton serta menyampaikan pendapat mereka dengan yakin.

KAJIAN LEPAS

Heywood (2000) menyatakan bahawa penilaian lisan ialah tugas-tugas yang direka untuk menyediakan para murid dengan peluang untuk membangunkan dan menunjukkan penguasaan pengetahuan mereka melalui ucapan dan persembahan.

Thoronton dan Houser (2005) telah menekankan kepentingan menggunakan teknologi untuk meningkatkan tahap keberkesanan pembelajaran bagi mencapai kefasihan bahasa. Menurut kajian mereka, pendekatan yang menerapkan penggunaan ICT dalam pembelajaran sememangnya merupakan suatu kaedah yang terbukti keberkesanannya.

Menurut Kukulska-Hulme (2006) pula, penggunaan teknologi telah menawarkan pengamatan dan penggunaan bahasa yang tidak terbatas kepada penggunaannya.



“Mobile learning promises to deliver closer integration of language learning with everyday communication needs and cultural experiences. Mobile devices may be used for learning at home, in a classroom, in a social space, on field trips, in museums and art galleries, in work contexts or as a part of everyday learning communication and interaction, offering new modes of delivery, and generally transforming teaching and learning processes.”

Kukulka-Hulme (2006)

Sheldon Reid (2010) mengesyorkan penglibatan murid dalam aktiviti-aktiviti seperti perbincangan berkumpulan, bercerita, pembacaan lantang dan lain-lain. Dengan memberi peluang kepada murid untuk berinteraksi menggunakan cara-cara tersebut, dipercayai murid akan lebih yakin dan berani mengetengahkan pandangan dan idea mereka secara bebas. Jika peluang ini sering kali disediakan, para murid akan terbiasa dan tidak lagi teragak-agak atau takut untuk mengemukakan pandangan mereka atau berkongsi idea yang mereka rasakan bersesuaian dengan topik yang dibincangkan.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, perkara utama yang dilakukan ialah untuk mengenal pasti prestasi lisan murid bagi bahagian perbualan berdasarkan klip video sebelum murid menjalani pengajaran dan pembelajaran lisan dengan menggunakan aplikasi Zaption. Tinjauan lanjutan dilakukan supaya pengkaji dapat mengenal masalah murid untuk mencapai markah lisan yang cemerlang. Proses mengenal pasti kelemahan murid dijalankan sebelum murid didedahkan kepada pengajaran lisan dengan menggunakan aplikasi Zaption.

Kaedah yang dijalankan berbentuk eksperimental. Murid digalakkan menganalisis klip video yang dihasilkan dengan aplikasi Zaption lalu memberikan jawapan yang berstruktur dan bernas.

Pada akhir kajian, penilaian dijalankan berlandaskan Rubrik yang telah dihasilkan. Jawapan-jawapan murid akan digunakan sebagai bahan perbincangan dan kandungan pembelajaran lanjutan.



Subjek Kajian

Kumpulan murid yang terlibat dalam kajian ini merupakan murid-murid darjah lima. Mereka terdiri daripada murid yang memiliki tahap kemahiran tinggi. Murid-murid ini akan menduduki peperiksaan lisan format 2016. Daripada penilaian yang dijalankan, guru mendapati bahawa penerangan murid mengenai klip video yang mereka tonton tanpa menggunakan aplikasi Zaption amat terhad. Murid tidak dapat meluahkan perasaan dan pandangan dengan mendalam. Perkembangan respons agak terbatas. Beberapa orang murid hanya menjawab dengan dua atau tiga perkataan sahaja. Ramai murid tidak dapat memberikan pandangan masing-masing kerana tidak pernah mengalami situasi seperti yang ditonton di klip video

Instrumen Kajian

Instrumen utama kajian ini ialah aplikasi Zaption. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma tapi terbatas kepada cara penggunaannya. Pautan aplikasi ini boleh diambil di <https://www.zaption.com>. Instrumen lain bagi kajian ini merupakan klip-klip video yang dihasilkan dengan menggunakan aplikasi Zaption. Klip-klip video ini telah disunting dan disisipkan dengan soalan-soalan yang dapat merangsang pemikiran murid secara kreatif dan kritikal.

Prosedur Kajian

Guru telah memberi taklimat ringkas dan menjelaskan peraturan mengenai apa yang dikehendaki dalam penggunaan aplikasi Zaption ini. Pada mulanya, murid menonton video secara berpasangan. Mereka dikehendaki untuk log masuk ke laman *Mconline*. Guru telah mengongsi video klip aplikasi Zaption melalui e-mel kepada murid-murid. Mereka terus menonton video klip tanpa perlu memuat turun aplikasi Zaption ke dalam iPad mereka. Semasa menonton video, murid-murid akan menjawab soalan-soalan yang telah tersedia disisipkan. Melalui proses ini, diharapkan murid dapat berfikir secara kreatif dan menjana sebuah perbincangan yang aktif.

Pada minggu seterusnya, guru menaikmuatkan beberapa klip-klip video. Sekali lagi, murid-murid akan menonton klip-klip video tersebut dan



menjawab soalan yang disisipkan. Kali ini, murid diberikan tugas secara individu. Mereka memberikan respons mereka melalui ruang yang disediakan dalam aplikasi Zaption. Di peringkat ini, murid-murid dilihat semakin yakin untuk memberikan respons mereka. Di sini, guru cuma bertindak sebagai pemudah cara atau fasilitator.

Setelah empat minggu menonton klip-klip video, murid-murid diberikan borang soal selidik bagi menjawab beberapa soalan mengenai penggunaan aplikasi *Zaption* dalam pembelajaran lisan yang telah mereka gunakan.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Terdapat beberapa dapatan penting yang diperolehi melalui penerapan kaedah ini. Setelah menggunakan aplikasi *Zaption* dalam usaha untuk mempertingkatkan kemahiran lisan dalam kalangan murid, kami dapati bahawa:

1. murid dapat memberi maklum balas yang positif dan bernas dengan penggunaan aplikasi *Zaption* ini.
2. pemikiran dan jawapan murid juga lebih teratur sewaktu menjawab soalan lisan kerana adanya bantuan soalan-soalan bimbingan yang disisipkan sewaktu mereka menonton klip video. Mereka dirangsang untuk berfikir sewaktu menonton klip video tersebut.
3. murid menunjukkan kesungguhan dan proaktif dalam setiap sesi pengajaran. Lantas pelajaran lisan menjadi lebih interaktif dan menarik.
4. kaedah ini juga dapat meningkatkan keyakinan dan kelancaran murid ketika memberi penerangan dan pendapat secara lisan.



Rajah 1: Maklum Balas Murid Mengenai Penggunaan Aplikasi Zaption



Jadual 1: Maklum Balas Murid Mengenai Penggunaan Aplikasi Zaption

No	Maklum Balas	Sangat Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
1	Saya berasa seronok ketika menonton klip-klip video.	89.3	10.7	0
2	Saya dapat berfikir dan melibatkan diri secara aktif sepanjang menonton klip-klip video aplikasi Zaption.	57.2	42.8	0
3	Soalan-soalan sisipan di dalam klip-klip video dapat membantu saya menjawab soalan.	60.7	39.3	0
4	Saya lebih yakin untuk menjawab soalan lisan menggunakan klip-klip video.	60.7	35.7	3.6
5	Pendapat saya mengenai penggunaan aplikasi Zaption dalam pengajaran lisan.			

Dapatan daripada maklum balas menunjukkan bahawa murid-murid bukan sahaja berasa seronok menonton klip-klip video, malahan dalam masa yang sama dapat berfikir dan melibatkan diri secara aktif sepanjang menonton klip-klip video yang dipaparkan. Soalan-soalan yang disisipkan di dalam klip-klip video banyak membantu murid-murid menjawab soalan yang dikemukakan. Tambahan, murid-murid lebih yakin untuk menjawab soalan



lisan dengan baik. Secara keseluruhan aplikasi Zaption berjaya membantu murid-murid untuk menjawab soalan-soalan lisan dengan berstruktur dan terarah tanpa sebarang batasan.

Murid A

“Penggunaan aplikasi Zaption mudah untuk digunakan dan mesra pengguna”.

Murid B

“Saya berasa seronok menonton klip-klip video dalam aplikasi Zaption. Ia juga membantu saya untuk berlatih berfikir”.

Murid C

“Aplikasi Zaption membantu saya menjawab soalan-soalan peperiksaan lisan dan saya banyak belajar nilai-nilai murni daripada klip-klip video itu”.

Murid D

“Pada pendapat saya, dengan menonton klip-klip video dalam aplikasi Zaption, ia membantu saya menjawab soalan-soalan dalam peperiksaan lisan”

Murid E

“Saya lebih suka menggunakan aplikasi Zaption kerana klip-klip video dapat membantu saya memahami dengan lebih baik daripada melihat gambar sahaja”.

KESIMPULAN

Dalam proses menjalankan kajian tindakan ini, pelbagai cabaran yang guru hadapi. Antaranya ialah guru perlu memilih dengan teliti bahan klip video yang sesuai dengan peringkat umur murid dan modul pembelajaran kelas. Murid-murid pula perlu diberikan panduan setiap kali sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan agar matlamat pengajaran tercapai.



Guru juga perlu memikirkan soalan-soalan sisipan yang sesuai dengan klip video yang dipilih bagi membimbing murid-murid menjawab soalan lisan tanpa sebarang kekeliruan. Dengan adanya soalan sisipan yang teliti dan dapat merangsang pengajaran dan pembelajaran, murid-murid tentunya akan boleh menjawab soalan-soalan lisan dengan lebih bernas dan yakin. Namun, usaha lanjutan akan tetap diteruskan untuk memperbaiki pengajaran lisan yang lebih berkesan dengan pelbagai pendekatan menggunakan kaedah aplikasi Zaption.

Penggunaan Zaption dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Rendah Woodlands Ring masih lagi di peringkat permulaan. Guru-guru terlibat berharap agar dapat mendalami dan meluaskan penggunaan ICT serta meningkatkan penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Secara keseluruhan, aplikasi Zaption dapat membantu murid-murid untuk menjawab soalan-soalan lisan dengan lebih teratur dan berkesan. Sekaligus menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, seronok dan proaktif.

RUJUKAN

- Heywood, J. (2000). *Assessment in Higher Education: Student Learning, Teaching, Programmes and Institutions*. London: Jessica Kingsley Publishers
- Kukulska-Hulme, A. (2006). Mobile language now and in the future, In P. Svensson (Ed.), *Fran vision till praktik: sprakutbildning och informationsteknik* Swedish Net University (Natiniversitetet). Retrieved from <http://oro.open.ac.uk/9542/1/kukulska-hulme.pdf>
- Reid, Sheldon (2010). *Urban Magic*. Pennsylvania State University. Behrend College, USA

